



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

18 JULAI 2019
UNTUK SIARAN SERTA MERTA

WACANA KESELAMATAN ICT KEBANGSAAN TERAP NILAI POSITIF SERTA NILAI ETIKA SEBAGAI WARGA DIGITAL DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH

KUANTAN, PAHANG - CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sekali lagi menganjurkan **Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan – Piala Cabaran CyberSAFE 2019** atau **NICTSeD 2019** edisi ke-tujuh. Turut berlangsung ialah **Pertandingan Cabaran Keselamatan Siber Nasional 2019** atau **CAKNA 2019** edisi ke-dua.

Kedua-dua pertandingan peringkat Kebangsaan ini mensasarkan murid-murid sekolah menengah di seluruh Malaysia, di mana NICTSeD menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar manakala CAKNA pula menggunakan Bahasa Melayu.

"Kedua-dua pertandingan ini diharapkan dapat melahirkan murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi dan beretika semasa menggunakan kemudahan teknologi terkini serta melengkapkan murid dengan kemahiran yang diperlukan oleh dunia korporat, kata YBrs. Dr Suhaimi bin Kadir, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

NICTSeD bermula pada tahun 2013 menggunakan format perdebatan. Pada tahun 2014, format pertandingan telah ditukar menggunakan konsep wacana. Melalui format wacana, para peserta dikehendaki membuat pembentangan kertas cadangan berdasarkan tajuk-tajuk berkaitan isu teknologi dan keselamatan siber semasa. Mereka dikehendaki membuat pembentangan di hadapan Juri (*Panel of Experts*) yang bertindak sebagai Ahli Lembaga



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)
MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMPI NO. 456
(P/N/P/1 MANUFACTURER)
MSC
MALAYSIA
Status Company
Red Chat Online
Professional Website

T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my

Pengarah di sesebuah organisasi. Tujuan pembentangan adalah untuk mengetengahkan isu dan cabaran serta memperkenalkan solusi terbaik menangani isu dan cabaran tersebut.

“Saban tahun, kualiti pertandingan telah bertambah baik dan kami dapat melihat wujudnya minat dalam kalangan murid sekolah untuk mengambil bahagian dan memperlihatkan tahap persaingan yang tinggi. Mereka lebih memahami isu teknologi dan cabaran keselamatan siber masa kini melalui aktiviti penyelidikan dan analisa perbandingan yang dilakukan.” jelas Lt Kol Mustaffa Ahmad (Bersara), Naib Presiden Kanan, Bahagian Outreach dan Pembangunan Kapasiti, CyberSecurity Malaysia.

“NICTSeD dan CAKNA merupakan salah satu inisiatif di bawah program *CyberSAFE In School* yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia dalam usaha memupuk dan meningkatkan kesedaran pengguna internet khususnya murid sekolah di seluruh Malaysia mengenai keselamatan siber” ujar Lt Kol Mustaffa lagi.

NICTSeD 2019 menerima penyertaan awal daripada 142 buah sekolah manakala CAKNA 2019 pula menerima penyertaan seramai 215 buah sekolah menengah dari seluruh Malaysia. Setelah pertandingan dan penilaian dibuat di peringkat negeri, sebanyak 32 buah sekolah telah berjaya mengorak langkah ke pertandingan peringkat kebangsaan bagi kedua-dua pertandingan yang berlangsung di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Pahang Darul Makmur. Jumlah keseluruhan murid sekolah yang terlibat dalam pertandingan NICTSeD 2019 dan CAKNA 2019 adalah seramai 96 orang.

Sebelum pertandingan, para peserta perlu mengikuti bengkel yang diadakan khusus bagi memberi pendedahan serta informasi mengenai senario keselamatan siber semasa (isu dan trend), kaedah mencari maklumat mengenai keselamatan siber melalui internet, kaedah penyediaan slaid serta cara-cara membuat pembentangan eksekutif. Bengkel dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia dengan sokongan pemain industri seperti BAE Systems dan Digi Telecommunication berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka mengenai lanskap keselamatan siber masa kini.

Pertandingan akhir NICTSeD 2019 akan diadakan pada 26 September 2019 sempena Persidangan Keselamatan Siber Malaysia – Anugerah, Persidangan and Pameran 2019 (CSM-ACE 2019) anjuran CyberSecurity Malaysia. Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang telah

berjaya menempa ke pertandingan akhir di Kuala Lumpur. Sementara itu, Sekolah Menengah Kebangsaan Sanzac, Kota Kinabalu, Sabah telah dinobatkan sebagai juara CAKNA bagi tahun 2019.

NICTSeD 2019 mendapat sokongan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), DiGi Telecommunications dan BAE Systems.

~ Tamat ~

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran media ini, sila emel: media@cybersecurity.my atau hubungi +603-8008 7237, Mohd Shamil Mohd Yusoff / Zul Akmal Abdul Manan +603-8008

7242